

Akhlak
**KANAK-KANAK
PRASEKOLAH**
Peranan Ibu Bapa dan Guru

**NURUL KHAIRANI ISMAIL
SUZIYANI MOHAMED
MOHD ISA HAMZAH**

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
INFO MEDITASI SDN. BHD.
No. 25, Jalan Balakong Jaya 1, Taman Industri Balakong Jaya,
43300 Balakong, Selangor D.E., MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-188-6

Kandungan

Senarai Jadual dan Rajah ... 5

Prakata ... 9

- BAB 1 Pengenalan Konsep Akhlak dan Perkembangannya ... 11
- BAB 2 Teori Berkaitan Perkembangan Akhlak Kanak-kanak ... 19
- BAB 3 Masalah Tingkah Laku dan Isu dalam Perkembangan Akhlak Kanak-kanak ... 31
- BAB 4 Kajian Berkenaan dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak ... 38
- BAB 5 Peranan Ibu Bapa dalam Perkembangan Akhlak Kanak-kanak ... 46
- BAB 6 Faktor dan Cara Penglibatan Ibu Bapa ... 53
- BAB 7 Sarana Ibu Bapa Kementerian Pendidikan Malaysia ... 62
- BAB 8 Kajian Penglibatan Ibu Bapa dalam Perkembangan Akhlak Kanak-kanak ... 67
- BAB 9 Peranan Keterikatan Sekolah dalam Perkembangan Akhlak Kanak-kanak ... 77
- BAB 10 Sekolah yang Berkesan dalam Memupuk Perkembangan Akhlak Kanak-kanak ... 82
- BAB 11 Saranan Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia ... 87
- BAB 12 Kajian Keterikatan dengan Sekolah dalam Perkembangan Akhlak Kanak-kanak ... 92
- BAB 13 Kerjasama Antara Rumah dan Sekolah dalam Perkembangan Akhlak Kanak-kanak ... 103

BAB 14 Kedudukan Tunjang Kerohanian dan Moral dalam Kurikulum Pendidikan Prasekolah Kebangsaan ... 109

BAB 15 Sumbangan dan Implikasi: Pembentukan Akhlak Kanak-kanak ... 116

Rujukan ... 125

Indeks ... 137

Prakata

Buku Akhlak Kanak-kanak Prasekolah: Peranan Ibu Bapa dan Guru ini terhasil daripada kajian peringkat Doktor Falsafah di Fakulti Pendidikan, UKM. Kajian ini memberi pencerahan kepada ibu bapa dan guru dalam usaha membina modal insan yang bermula dari bangku pendidikan awal kanak-kanak.

Penghasilan modal insan yang tidak seimbang hasil krisis akhlak yang melanda seluruh lapisan masyarakat hari ini termasuk kanak-kanak telah memberi kesan kepada bidang ekonomi, politik, sains dan teknologi (Asmawati & Fathiyah 2012). Menurut pandangan Al-Qardhawi (1998) krisis ini berpunca daripada kerapuhan pegangan akidah dan moral dalam diri seseorang. Ab. Halim et al. (2004) telah menyimpulkan bahawa Pendidikan Akhlak yang menekankan elemen tauhid adalah penting sebagai salah satu langkah pencegahan kepada berleluasanya penyakit sosial ini.

Faktor persekitaran seperti ibu bapa dan sekolah yang baik juga amat mustahak dalam usaha pembentukan akhlak kanak-kanak ini. Selanjutnya, bimbingan dan ajaran yang diterima di sekolah daripada guru juga memainkan peranan penting kerana kanak-kanak pada peringkat ini mempunyai sikap ingin tahu dan mudah dipengaruhi oleh individu yang lebih berautoriti seperti guru (Maila Dinia, Nur Surayyah & Husni 2012).

Menelusuri perkembangan akhlak kanak-kanak, sarjana Barat berpandangan bahawa faktor keluarga terutamanya ibu bapa dianggap sebagai pengaruh utama dalam pembentukan akhlak anak. Selain itu, sekolah, rakan sebaya, komuniti, agama, faktor biologi adalah merupakan penyumbang sekunder yang mempengaruhi perkembangan akhlak kanak-kanak. Beberapa elemen, seperti kasih sayang ibu bapa, konsistensi keibubapaan, pemodelan, ekspresi nilai, penghormatan terhadap anak, dan perbincangan terbuka bersama mereka merupakan elemen yang akan mempengaruhi perkembangan akhlak kanak-kanak.

Sekolah mempunyai pengaruh lebih lambat daripada pengaruh keibubapaan kerana ibu bapa jauh lebih dekat secara emosional pada tahun-tahun pertama kehidupan, dan kebanyakan kanak-kanak tidak mengalami persekolahan separuh atau separuh masa sehingga mereka

berusia lima tahun, yang mana pada usia ini, kebanyakan nilai akhlak sudah berkembang dalam diri kanak-kanak. Namun begitu, sekolah juga boleh mempengaruhi konsep diri anak (termasuk harga diri), kemahiran sosial (terutamanya kemahiran sosial rakan sebaya), nilai, kematangan penaakulan moral, kecenderungan dan tingkah laku prososial, pengetahuan tentang moral, nilai, dan sebagainya. Pengaruh rakan sebaya bermula pada tahun-tahun prasekolah, terutama bagi kanak-kanak yang bersekolah di prasekolah, tetapi pengaruh ini jelas meningkat sepanjang masa kanak-kanak dan puncak pada masa remaja.

Justeru, buku *Akhlaq Kanak-Kanak Prasekolah: Peranan Ibu Bapa dan Guru* ini membincangkan secara khusus peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa dan guru khususnya dalam membantu perkembangan akhlak kanak-kanak. Pelbagai isu dan permasalahan semasa telah dirungkai dalam penulisan ini. Selain itu teori, model serta amalan-amalan berdasarkan kajian terdahulu juga telah dikemukakan dengan mengambil kira pandangan sarjana Islam dan sarjana barat.

Buku ini amat sesuai sebagai sumber rujukan kepada pihak ibu bapa dan sekolah termasuk guru dan pihak pentadbiran dalam memastikan misi pembentukan akhlak ini tercapai. Para ibu bapa dan guru boleh menjadikan penulisan ini bagi mencari jawapan tentang apakah cara-cara dan peranan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa, guru juga pentadbir sekolah untuk merealisasikan agenda pembentukan akhlak ini. Bagi para pensyarah, KPM, JPN, PPD dan Pengetua serta Guru Besar, buku ini boleh dijadikan sumber rujukan tentang tatacara dan pendekatan dalam menanam nilai mulia dalam diri murid di semua peringkat.

Akhir sekali, terima kasih kepada pengurusan Fakulti Pendidikan, UKM yang memberi dana: DPB-2022-034 sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

Sekian, dan terima kasih.

*Nurul Khairani Ismail
Suziyani Mohamed
Mohd Isa Hamzah*